

Serah kedudukan kepada Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 8 Feb. - Datuk Marzuki Yahya menyerahkan kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan berhubung kedudukannya sebagai Timbalan Menteri Luar dan Setiausaha Agung Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) berikutan status ijazah yang dimilikinya.

Sambil mempertahankan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan yang dimilikinya dari Cambridge International University (CIU) Amerika Syarikat, Marzuki berkata, niatnya memulakan pengajian di universiti itu pada tahun 2002 adalah ingin menimba ilmu kon-temporari dan terkini mengenai industri perkapalan dan logistik di negara maju.

"Saya langsung tidak pernah berniat untuk menggambarkan seolah-olah saya mendapat pendidikan di University of

Cambridge. Harapan saya ialah agar ilmu yang diperolehi akan dapat membantu mengembang dan memajukan perniagaan perkapalan yang saya usahakan.

"Saya berharap agar penjelasan ini dapat meleraikan kekeliruan yang ada. Dengan ini juga, saya menyerahkan kedudukan saya sebagai Timbalan Menteri Luar dan Setiausaha Agung Bersatu kepada Perdana Menteri dan kepimpinan parti," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Marzuki, beliau memulakan pengajian jarak jauh bersama CIU pada tahun 2002 iaitu 17 tahun lalu ketika berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif syarikat perkapalan dan logistik miliknya di Pulau Pinang.

Tambahnya, beliau turut



MARZUKI YAHYA

mengikuti beberapa subjek asas yang berkaitan dengan bidang perkapalan dan logistik ketika mengikuti pengajian seperti Pengurusan Logistik I; Pengurusan Logistik II; Pengurusan Kawalan Stok; Pengurusan Rantaian Bekalan dan Pengurusan Strategik

selain menyiapkan segala tugas tersebut seperti yang diminta pihak universiti.

"Sewaktu saya memulakan kursus pada sekitar 2002 dan mendapat kelulusan pada 2005, masyarakat Malaysia dan juga dunia masih belum membincangkan tentang akreditasi universiti secara meluas. Bahkan, ketika itu belum ada sistem *ranking* universiti yang terkenal dan tersusun seperti pada hari ini," katanya.